



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI


KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO AHAD			
TARIKH	:	3/10/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	1 & 2
JABATAN	:	PERHILITAN			

Harga Murai Batu boleh beli Proton Saga

Kosmo Ahad, 3 Okt 2021_1

Jadi sumber taruhan dalam pertandingan burung di Indonesia



MEMILIKI kicauan bunyi yang merdu selain kombinasi bulu dan warna tubuh yang cantik menjadikan burung Murai Batu yang terdapat di Malaysia sebagai hidupan liar paling diimpikan oleh peminat burung dari negara jiran, Indonesia.

Antara spesies paling dicari ialah *White-rumped Shama* kerana burung berkenaan dikatakan mampu membawa tuah serta memberi rezeki kepada si pemilik.

Malah, harga yang ditawarkan oleh sindiket pemburu haram kepada peminat burung di Indonesia bagi seekor Murai Batu mampu mencecah lebih RM30,000 iaitu menyamai harga bagi sebuah kereta Proton Saga.

► LAPORAN PENUH DI MUKA 2

PERMINTAAN tinggi daripada peminat burung di Indonesia mendorong sindiket untuk menjalankan aktiviti pemburuan secara haram di Malaysia.

Spesies *White-rumped Shama* dapat permintaan tinggi di Indonesia

Murai Batu pecah harga RM30,000

Oleh MOHD. SHARKAWI LONDING

JOHOR BAHRU – Harga seekor Murai Batu yang mampu mencecah lebih RM30,000 di Indonesia mendorong sindiket pemburu haram berlumba-lumba untuk mendapatkan burung berkenaan yang banyak terdapat di hutan-hutan seluruh Semenanjung Malaysia.

Antara spesies paling dicari ialah *White-rumped Shama* memandangkan burung berkenaan memiliki kicauan merdu selain dihiasi dengan bulu cantik serta berwarna indah.

Selain itu, ada juga peminat Murai Batu di Indonesia yang sanggup menawarkan harga mahal menyamai harga sebuah Proton Saga untuk mendapatkan burung spesies itu kerana dikatakan mampu membawa tuah serta memberi rezeki kepada si pemilik.

Sumber memberitahu, peminat burung di Indonesia menjadikan Murai Batu sebagai sumber taruhan dalam pertandingan yang menawarkan hadiah lumayan kepada setiap pemenang.

Menurutnya, atas faktor itulah hidupan liar itu menjadi buruan sindiket atau pemburu haram untuk di seludup ke Indonesia.

"Memang terdapat Murai Batu di Indonesia, tetapi spesies dari Malaysia dikatakan yang terbaik kerana memenuhi ciri yang diimpikan setiap peminat.



ABDUL KADIR (gambar kecil) menegaskan burung Murai Batu merupakan hidupan liar yang dilindungi Perhilitan dan menangkap serta memilikinya tanpa kebenaran merupakan satu kesalahan.

"Selain memenuhi cita rasa, mereka turut menjadikan burung berkenaan sebagai sumber rezeki iaitu dengan menyertai pertandingan.

"Kalau kena dengan nasib dan tuah, mereka boleh dapat wang taruhan berkali ganda berbanding harga burung itu.

"Sebab itu burung dari Malaysia menjadi pilihan peminat di Indonesia dan harganya boleh dikategorikan sebagai kayangan dan mehyamai harga bagi sebuah kenderaan," katanya kepada *Kosmo! Ahad* baru-baru ini.

Sementara itu, Ketua Penga-

rah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), Datuk Abdul Kadir Abu Hashim mendedahkan, kesukaran untuk mendapatkan bekalan yang diseludup ke negara jiran turut menjadi faktor mengapa harga burung Murai Batu terlalu mahal.

Pada kebiasaannya katanya, harga seekor Murai Batu bermula serendah RM100 sehingga mencecah puluhan ribu bergantung kepada baka yang ada pada burung berkenaan.

Katanya, sindiket penyeludupan haiwan yang dilindungi itu

mempunyai rangkaian yang luas terutamanya kawasan yang menghadap Pulau Batam dan Pulau Sumatera.

Jelasnya, perairan selatan di Johor, pantai barat di Selangor serta negeri utara Semenanjung antara hotspot laluan yang digunakan sindiket untuk membawa keluar barang kontraban berkenaan.

"Sindiket ini mempunyai rangkaian yang luas bermula dari pemburu haram yang terdiri daripada mereka yang mempunyai kepakaran dalam berburu, memasarkan bekalan sehinggalah

Burung Murai Batu

- Nama saintifiknya *Copsychus Malabaricus*
- Biasanya bersarang di bawah semak atau pokok rendah hutan daun lebar tanah rendah
- Bunyinya amat kuat dan jelas, dengan pelbagai frasa selain sering mengajuk bunyi burung lain
- Mempunyai berat antara 26 gram hingga 34 gram dengan panjang sekitar 23 sentimeter
- Antara burung liar yang dilindungi Perhilitan
- Perlukan lesen untuk memburu

barang seludup sampai kepada pelanggan mereka.

"Mereka juga dikesan menggunakan platform aplikasi perniagaan dalam talian serta media sosial untuk mempromosikan bisnes haram terbabit," katanya.

Dalam pada itu, Abdul Kadir memberitahu, burung Murai Batu menghuni di hampir keseluruhan kawasan hutan di Semenanjung Malaysia serta kepulauan Borneo di Sabah dan Sarawak.

Ujarnya, burung jenis ini juga dikatakan senang untuk diburu kerana hanya memerlukan beberapa kaedah antaranya menggunakan denak yang baik untuk memikat burung liar, jerat serta jebak untuk memerangkap.